

LAMPIRAN C



SKOP KERJA

1. Kontraktor hendaklah melaksanakan kerja membekal, menghantar, memasang, mengkonfigurasi, menguji dan mentauliah dalam tempoh **tiga puluh (30) hari bekerja** dari tarikh pesanan tempatan dikeluarkan bagi lokasi-lokasi di semenanjung Malaysia manakala bagi lokasi-lokasi di Sabah dan Sarawak dalam tempoh **enam puluh (60) hari bekerja** dari tarikh pesanan tempatan dikeluarkan.
2. Kontraktor dikehendaki mematuhi peraturan Bahagian/Jabatan/Institusi Pendidikan bagi membuat kerja-kerja pembekalan dan penghantaran di lokasi terlibat seperti berikut :-
 - 2.1 Waktu penghantaran dan pemasangan mestilah disempurnakan dalam tempoh seperti berikut :-
 - a) Jabatan/Bahagian : 8.30 pagi – 4.30 petang.
 - b) Institusi Pendidikan/Sekolah : 7.30 pagi - 2.30 petangWalau bagaimanapun, kontraktor adalah digalakkan untuk membuat penghantaran lebih awal.
 - 2.2 Kontraktor mestilah memastikan peralatan dihantar sehingga ke tempat simpanan yang ditetapkan oleh agensi **tanpa bantuan pihak agensi**.
 - 2.3 Etika pemakaian: (Jika ada pakaian seragam) Pakaian yang seragam dan mempunyai logo serta nama syarikat yang boleh dilihat dengan jelas serta kad pekerja di sepanjang tempoh berada di lokasi. Pakaian juga mestilah bersesuaian untuk memasuki pejabat. Dilarang sama sekali memakai baju tanpa lengan dan memakai selipar.
 - 2.4 Hari penghantaran bekalan: Menepati waktu dan hari bekerja di negeri/lokasi yang berkenaan.
 - 2.5 Pihak syarikat perlu menyerahkan senarai semak peralatan atau salinan pesanan kerajaan (LO) dan kakitangan berkaitan yang akan melaksanakan kerja-kerja tersebut kepada jabatan/bahagian/ institusi pendidikan yang terlibat selewat-lewatnya **3 hari bekerja** sebelum kerja-kerja tersebut dilaksanakan dan disalinkan kepada kementerian. Pihak syarikat juga perlu memaklumkan kepada jabatan/bahagian/institusi pendidikan tersebut **tiga (3) jam lebih awal** sebelum penghantaran dan kerja-kerja berkaitan dilaksanakan.



3. Skop pelaksanaan projek adalah seperti berikut:
- a. Membekal, menghantar, memasang, mengkonfigurasi, menguji dan mentauliah peralatan dan perisian ICT mengikut pesanan tempatan (LO) yang akan dikeluarkan dari semasa ke semasa.
 - b. Melaksanakan perkhidmatan penyelenggaraan dan bantuan kepakaran teknikal; dan
 - c. Melaksanakan proses jaminan (*warranty*) peralatan ICT selama tiga (3) tahun.
 - d. Membekalkan beg bimbit (*carrying bag*) bagi peralatan-peralatan berikut :
 - i. *Notebook* - Item NB1, NB2 dan NB3
 - ii. *LCD/DLP Projector* - Item LPR3, LPR4, DPR3 dan DPR4
 - e. Melaksanakan pemasangan sistem pengoperasian Microsoft Windows 7 Professional 64-bit bagi item PC1, PC2, PC5 dan NB1.
 - f. Menyediakan dan mengisi dengan lengkap dokumen daftar KEW.PA-2 atau dokumen daftar lain yang berkaitan bagi setiap peralatan yang dibekalkan dengan merujuk kepada Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 – Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan.
4. Satu jawatankuasa yang terdiri daripada pegawai teknikal ICT KPM akan ditubuhkan untuk mengkaji dan menilai semula spesifikasi teknikal semua item berdasarkan kepada teknologi dan harga pasaran semasa yang bersesuaian setiap dua belas (12) bulan dari tarikh SST dikeluarkan. Spesifikasi teknikal item yang telah disemak semula oleh jawatankuasa tersebut akan menggantikan spesifikasi teknikal sebelumnya tanpa sebarang perubahan kos, jaminan atau syarat-syarat tender.
5. Kontraktor hendaklah memberikan perkhidmatan penyelenggaraan Peralatan secara percuma dalam tempoh waranti iaitu **tiga (3) tahun** bermula dari tarikh Sijil Pengujian Dan Pentauliah (SPP) ditandatangani dan disahkan. *Consumables* bagi semua peralatan di dalam kontrak ini hanyalah tiga perkara berikut :-
- i) Toner for printer;
 - ii) Timing belt for printer; dan
 - iii) Bulb for projector.



6. TEMPOH MAKLUM BALAS (*RESPONSE TIME*)

- 6.1 *Response Time* adalah masa yang diberikan kepada Kontraktor untuk memberi maklum balas kepada mana-mana aduan. Maklum balas ini akan dibuat dari meja bantuan Kontraktor. Meja bantuan Kontraktor atau pembekal hendaklah memberi maklum balas terhadap aduan yang dibuat oleh Kerajaan **tidak melebihi dua (2) jam dari masa aduan dibuat**. Ini bermakna Kontraktor ataupun pihak pembekal peralatan hendaklah berhubung semula dengan lokasi yang membuat aduan dalam tempoh dua (2) jam seurus aduan dikemukakan.
- 6.2 Laporan-laporan mengenai kerosakan itu termasuk kerja-kerja pembaikan dan penggantian hendaklah dikemukakan kepada Kerajaan dalam dua (2) salinan.
- 6.3 Semasa dalam tempoh jaminan, jika berlaku kerosakan, Kontraktor dikehendaki memperbaiki peralatan tersebut berdasarkan masa yang telah ditetapkan.
- 6.4 Tempoh membaik pulih peralatan yang rosak di lokasi adalah seperti berikut :-
- a. *Response Time* : 2 jam
 - b. *Loaner unit* : Jika *turnaround time* lebih daripada 1 hari
 - c. *Turnaround Time* :
 - i) Kawasan Bandar : 2 hari
 - ii) Luar Bandar : 5 hari
- 6.5 Kontraktor mestilah mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) talian khas untuk meja bantuan sahaja (tidak termasuk talian pegawai, talian am dan talian pihak pembekal). Ini bermaksud Kontraktor juga mestilah mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) orang yang dikhaskan menjaga meja bantuan.
- 6.6 Kontraktor hendaklah menyediakan perkhidmatan penyenggaraan pencegahan dan pembaikan (*preventive and corrective maintenance*) dalam tempoh jaminan untuk semua peralatan dan perisian. Jaminan adalah termasuk kos alat ganti, kos pengangkutan dan juga tenaga kerja di lokasi. Kos keseluruhan ini adalah dibawah tanggungan Kontraktor di sepanjang tempoh jaminan.
- 6.7 Jika Kontraktor mendapati bahawa kerosakan tersebut tidak boleh dibaiki di dalam masa **satu (1) hari**, maka Kontraktor hendaklah menyediakan satu "*loaner unit*" dengan peralatan yang sama spesifikasi, keupayaan dan kegunaan atau yang lebih tinggi kepada Kerajaan dalam **tempoh satu (1) hari** dari masa aduan dibuat.



- 6.8 *Turnaround Time*, jika kerosakan tidak dibaiki di dalam masa dua (2) hari maka Kontraktor hendaklah menggantikan Peralatan yang rosak tersebut dengan Peralatan baru yang sama spesifikasi, keupayaan dan kegunaan;
- 6.9 Sekiranya Kontraktor gagal membaiki atau mengganti Peralatan yang tidak berfungsi dengan memuaskan atau rosak, maka Kerajaan boleh sama ada :-
- a. Mendapatkan mana-mana orang berkelayakan bagi membaiki atau mengganti Peralatan itu di mana semua kos yang kena bayar bagi tujuan tersebut hendaklah ditanggung oleh Kontraktor; atau
 - b. Memulangkan Peralatan dan Kontraktor hendaklah membayar denda, pampasan dan kos yang terlibat dengan pemulangan tersebut sebagaimana yang ditetapkan oleh Kerajaan;
- 6.10 Walau apa pun dalam Klausa 6 ini, sekiranya Kontraktor gagal membaiki atau mengganti Peralatan-Peralatan tersebut yang mana pada pandangan Kerajaan, tidak berfungsi dengan memuaskan, maka Kerajaan mempunyai hak untuk mendapatkan mana-mana orang berkelayakan bagi membaiki alat-alat itu di mana semua kos yang kena bayar bagi tujuan tersebut hendaklah ditanggung oleh Kontraktor.

7 GANTI RUGI KELEWATAN PEMBAIKAN PIHAK KONTRAKTOR

- 7.1 Jika Kontraktor gagal memperbaiki peralatan berdasarkan masa yang telah dinyatakan maka selepas tempoh di atas, Kerajaan berhak untuk mengenakan denda ke atas Kontraktor seperti berikut:

Bil	Perkara	Denda
1)	Lewat 1 – 5 Hari	5 % daripada harga peralatan
2)	Lewat 6 – 10 Hari	10 % daripada harga peralatan
3)	Lewat > 10 Hari	15% daripada harga peralatan
4)	Lewat > 15 Hari	Peralatan perlu diganti baru. Jika tidak, kontraktor akan didenda dengan nilai peralatan tersebut.

*Kelewatan dikira bermula dari tarikh tamat tempoh *turnaround time*.

- 7.2 Jika Kontraktor gagal membekalkan *loaner unit* berdasarkan masa yang telah dinyatakan maka selepas tempoh di atas, Kerajaan berhak untuk mengenakan denda ke atas Kontraktor seperti berikut:



Bil	Perkara	Denda
1)	Lewat 1 – 5 Hari	5 % daripada harga peralatan
2)	Lewat 6 – 10 Hari	10 % daripada harga peralatan
3)	Lewat > 10 Hari	15% daripada harga peralatan

*Kelewatan dikira bermula dari tarikh tamat tempoh *turnaround time*.

7.3 Bayaran ganti rugi hanya dikira pada HARI BEKERJA PIHAK KERAJAAN SAHAJA mengikut negeri masing-masing. Cuti-cuti Am dan cuti hujung minggu tidak dikira.